

30/10/2000

Negara mahu miliki ekuiti ICT asing

Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG, Ahad - Kerajaan akan mengambil alih ekuiti dalam syarikat teknologi tinggi asing yang berdaya maju di Lembah Silikon bagi mempercepatkan pemilikan kepakaran tempatan dalam sektor telekomunikasi dan teknologi maklumat (ICT).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mengenal pasti beberapa syarikat baru di Lembah Silikon, Amerika Syarikat, dan sudah menghantar pegawai ke sana untuk mengenal pasti potensinya.

Kerajaan juga, kata Perdana Menteri, meninjau peluang yang sama dalam syarikat teknologi tinggi di negara lain kerana `adalah menjadi satu kesilapan besar jika kita mengabaikan syarikat lain yang berpotensi besar'.

Beliau memberitahu demikian dalam sidang akhbar selepas berucap pada jamuan anjuran Asia Society di Pusat Pameran dan Konvensyen Hong Kong (HKCEC) di sini, lewat malam tadi.

Perdana Menteri diminta mengulas pengumuman Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, dalam Belanjawan 2001 bahawa Malaysia akan mengambil alih kepentingan dalam syarikat asing untuk mempercepat pemilikan teknologi canggih.

Daim yang turut mengumumkan penubuhan dana modal teroka bernilai RM500 juta untuk tujuan itu berkata, ia dibuat bagi membolehkan Malaysia berada dalam persaingan menguasai teknologi terkini.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menyatakan sama ada ekuiti itu akan diambil alih terus oleh kerajaan menerusi Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc), Khazanah Nasional Bhd atau secara tidak langsung melalui agensi seperti Perbadanan Pembangunan Multimedia.

Dalam sidang akhbar yang turut dihadiri wartawan Hong Kong dan wakil media antarabangsa lain, beliau turut menyatakan harapannya supaya Malaysia dapat bekerjasama dengan usahawan di sini dalam sektor IT.

Ditanya sama ada beliau melihat Hong Kong sebagai saingan, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak melihatnya demikian malah lebih suka bekerjasama demi manfaat bersama.

"Kita mahu melihat Hong Kong sebagai rakan, bukannya saingan kerana masing-masing mempunyai kekuatan sendiri. Kita lebih berminat bekerjasama dalam bidang ini di negara lain.

"Saya tahu banyak syarikat di sini terbabit dalam IT dan MSC (Koridor Raya Multimedia) boleh menjadi lokasi sesuai untuk mereka. Saya yakin ada syarikat Hong Kong yang akan melabur di MSC," katanya.

Selain dalam bidang ICT, Malaysia dijangka menerima lebih banyak pelaburan Hong Kong dalam sektor lain berikutan pertemuan peribadi Dr Mahathir dengan beberapa tokoh korporat terkemuka di sini semalam.

Antaranya ialah Li Ka-Shing, hartawan paling terkenal Hong Kong yang mempunyai kepentingan perniagaan dalam bidang penjanaan tenaga, perkapalan, hartanah, telekomunikasi dan peruncitan.

Mengenai pertemuan itu, Dr Mahathir berkata: "Li (Ka-Shing) mempunyai minat spesifik melabur di Malaysia iaitu di sektor pelabuhan. Yang lain adalah mereka yang akan dan sudah melabur di Malaysia."

Beberapa minggu lalu, Li, menerusi syarikat perkapalan antarabangsa miliknya, Hutchison International Terminals (IMT), memeterai perjanjian untuk mengambil alih sebahagian ekuiti dalam Westport, pengendali pelabuhan di Pulau Indah.

Terdahulu, dalam sesi soal jawab 15 minit selepas menyampaikan ucapannya

kepada lebih 1,000 tokoh korporat, pakar ekonomi dan ahli kewangan itu, Dr Mahathir ditanya pelbagai soalan, daripada rancangannya selepas bersara, hingga kepada perkembangan politik tanah air.

"Saya cuma mahu berehat selepas bersara," kata Dr Mahathir ringkas dan sambil berseloroh menambah ... "tak payah lagi datang berucap dalam makan malam Asia Society, kecuali jika anda mahu mendengar celoteh seorang tua".

Kepada soalan wujudnya dakwaan daripada golongan profesional muda Malaysia di luar negara bahawa Malaysia tidak ditadbir dengan cara sepatutnya, Dr Mahathir berkata, 'mereka itu sebenarnya naif'.

"Dalam usia muda, anda cenderung bersikap idealistik dan mahu tukar semua orang tua dalam kerajaan. Tetapi saya jamin, sebaik saja mereka mengambil alih kerajaan, akan ada orang lain yang berkata serupa seperti apa yang mereka katakan sebelum ini.

"Semua orang, pada hari pertama masuk ke universiti berpendapat dialah yang paling tahu bagaimana memimpin kerajaan. Tapi saya rasa, bila mereka menjadi kerajaan, mereka juga akan melakukan yang sama," katanya.

Mengenai dasar menetapkan nilai ringgit pada RM3.80 berbanding dolar AS, Perdana Menteri sekali lagi menegaskan, Malaysia tidak nampak alasan kukuh mengubahnya kerana ia tidak memberi kesan buruk kepada sesiapa.

(END)